



'Buat simpanan dalam Simpan SSPN untuk masa hadapan anak'

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Mac 11, 2023 @ 10:14pm
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Simpanan menerusi Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus (Pakej Topas) sejak 2016, membolehkan seorang guru membawa pulang sebuah Mercedes-Benz C200 Avantgard.

Guru Bahasa Cina dari Pulau Pinang, Khoo Lee Hah, 39, memenangi kereta itu menerusi Kempen Cabutan WOW! 25 Tahun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi kategori Cabutan Tahunan Jubli Perak.

Lee Hah berkata, usahanya menyimpan dalam Simpan SSPN untuk anak perempuannya yang berusia 10 tahun amat berbaloi.

Katanya, dia mengetahui memenangi kereta itu pada minggu lalu sebaik dihubungi pegawai PTPTN, namun enggan percaya kerana ini perkara yang mustahil bagi dirinya untuk memenangi hadiah kereta mewah seperti itu.

"Namun selepas menerima surat daripada PTPTN, baru saya percaya dan sangat gembira dengan kemenangan ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Hadiah Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN di Mercedes-Benz, Cycle & Carriage Bintang Berhad, di sini, Khamis lalu.

Hadiah utama itu disampaikan oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Lee Hah yang menjadi guru sejak 12 tahun lalu berharap, ibu bapa yang masih belum menyimpan untuk anak mereka menerusi Simpan SSPN, berbuat segera.

Katanya, selain mendapat dividen, simpanan itu dapat digunakan untuk pendidikan anak mereka.

Kempen Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN yang menawarkan hadiah lumayan berjumlah hampir RM1 juta, adalah simbolik dalam memperkasakan amalan penabungan sempena Jubli Perak 25 Tahun PTPTN yang disambut pada tahun lalu.

Kempen itu yang bermula pada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022, layak disertai pendeposit Simpan SSPN.

Tiga kategori cabutan

Terdapat tiga kategori cabutan iaitu Cabutan Siri Silver 1, 2 dan 3; Cabutan Khas Babyku Simpan dan Cabutan Tahunan Jubli Perak.

Pemenang kedua, Cabutan Tahunan Jubli Perak adalah Latinah Daluhin, 37, dari Sabah yang berjaya membawa pulang wang tunai RM100,000, manakala tempat ketiga menjadi milik Yip Meng Leong, 49, dari Selangor yang memenangi wang tunai RM50,000.

Selain itu, seramai 22 pemenang membawa pulang hadiah sagu hati motosikal iaitu Honda RS150 setiap seorang.

Cabutan Siri Silver 3 pula menawarkan wang tunai sebanyak RM2,525 kepada 25 pemenang, manakala 250 pemenang untuk Cabutan Khas Babyku Simpan menerima wang tunai sebanyak RM1,000 setiap seorang.

Meng Leong, pemenang tempat ketiga dengan hadiah wang tunai bernilai RM50,000, ketika ditemui berkata, dia menyimpan menerusi Simpan SSPN untuk anaknya berusia lima tahun sejak tahun 2019 lagi.

Jurutera dari Bandar Utama berkata, dia mengetahui mengenai simpanan itu dari iklan di televisyen dan membuat carian mengennainya terlebih dahulu.

"Apabila melihat pelbagai faedah yang ditawarkan jika membuat simpanan dengan Simpan SSPN, saya tidak membuang masa dan terus mendaftar untuk anak.

"Saya harap ibu bapa yang masih belum membuat simpanan Simpan SSPN, segera berbuat demikian untuk masa depan mereka," katanya.

Pemenang kategori Cabutan Khas Babyku Simpan yang memenangi wang tunai RM1,000, Ng Keat Yung, 40, berkata dia membuat simpanan itu untuk dua anaknya yang berusia tiga tahun dan lapan bulan.

Hadiah hari jadi anak

Penganalisis dari Cheras itu berkata, sebagai peminjam PTPTN sebelum ini, dia memang mengetahui mengenai keistimewaan ditawarkan oleh Simpan SSPN dan sebaik anak pertama dilahirkan pada 2019, dia terus membuat simpanan itu.

"Jadi saya nasihatkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak, terutama yang masih bayi, buat segera simpanan ini untuk mereka kerana simpanan yang bermula dengan sedikit, lama-lama akan jadi bukit.

"Kita tidak tahu keadaan masa depan dan dengan simpanan ini, ia dapat membantu pendidikan mereka suatu hari nanti," katanya.

Pemenang kategori Cabutan Siri Silver 3 yang memenangi wang tunai RM2,525, Mohd Zhamry Abdul Madza, 52, dari Bangi, berkata dia menyimpan dalam Simpan SSPN untuk lima anak lelakinya sejak 2015.

Katanya, ketika itu dia membawa anak sulungnya mendaftarkan di sebuah universiti dan terdapat pameran berkenaan Simpan SSPN oleh PTPTN.

"Apabila melihat penerangan diberikan, terutama berkenaan dividen, saya dan isteri tertarik serta terus membuka akaun untuk masa depan anak.

"Ibu bapa wajar membuat simpanan di Simpan SSPN segera dan ambil kesempatan yang diberikan PTPTN untuk memastikan pendidikan anak pada masa depan terjamin," katanya.

Sementara itu, Ahmad Dasuki, ketika berucap berkata, hasil sokongan daripada pendeposit, Simpan SSPN terus gah sebagai produk simpanan pilihan utama masyarakat Malaysia.

"Sebagai tanda penghargaan kepada mereka, PTPTN amat berbesar hati meraikan pemenang Kempen Cabutan WOW! 25 Tahun PTPTN. Tahniah kepada pemenang yang diraikan," katanya.

Beliau berkata, PTPTN terus komited dengan misi utama iaitu menggalakkan ibu bapa membuat simpanan sejak anak masih kecil bagi tujuan pendidikan.

Melalui simpanan sedemikian katanya, ibu bapa dapat mendisiplinkan diri membuat penabungan, sekali gus mengelakkan anak dibebani hutang apabila mereka tamat pengajian kelak.

"Peranan PTPTN memperkasakan budaya penabungan sememangnya dimulakan sejak 2004.

"Komitmen ini diteruskan dalam Teras Pertama Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 iaitu menjadikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pendidikan utama di Malaysia," katanya.

Ahmad Dasuki berkata, sejak Simpan SSPN dilancarkan pada 2004, PTPTN terus melakar kejayaan dengan mencatatkan jumlah Simpan SSPN yang sangat memberangsangkan.

Katanya, pada tahun ini, prestasi Simpan SSPN dijangka terus merekodkan pertumbuhan positif dan sehingga 31 Januari lalu, jumlah keseluruhan deposit Simpan SSPN yang diterima adalah RM14.38 billion dengan bilangan akaun berjumlah 5.79 juta.

"Pencapaian ini membuktikan Simpan SSPN berada di landasan tepat sebagai produk simpanan yang berdaya saing setanding dengan produk simpanan lain di pasaran," katanya.